

03 JAN 1997

DR MAHATHIR LAWAT SABAH ESOK

KOTA KINABALU, 3 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat daerah Keningau esok, iaitu daerah yang paling teruk dilanda ribut dan banjir minggu lepas.

Ketua Perhubungan Umno Sabah Datuk Osu Sukam hari ini berkata, Dr Mahathir dijangka tiba di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini pada pukul 10 pagi dan akan terus berangkat ke Keningau untuk meninjau keadaan di daerah itu.

"Lawatan singkat ini bagi membolehkan beliau melihat sendiri keadaan di situ dan juga mengetahui punca sebenar bencana itu," katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat badan perhubungan Umno negeri di sini petang ini. -- BERNAMA

KG PR